

**MANIPULASI PERISTIWA ISRAK MIKRAJ DALAM  
KARYA SASTERA ARAB DAN BARAT: SATU ANALISIS  
TERHADAP AL-MAQAMAH AL-IBLISIYAH, AL-TAWABI'  
WA AL-ZAWABI', RISALAT AL-GHUFRAN DAN *THE  
DIVINE COMEDY***

**(MANIPULATION OF THE ISRA' AND MI'RAJ IN ARABIC  
AND WESTERN LITERATURES: AN ANALYSIS OF AL-  
MAQAMAH AL-IBLISIYAH, AL-TAWABI' WA AL-ZAWABI',  
RISALAT AL-GHUFRAN AND THE DIVINE COMEDY)**

RAHMAH AHMAD H. OSMAN  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
rahmahao@yahoo.com

MOHD SHAHRIZAL NASIR  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia  
shahrizal\_nasir@yahoo.com.my

**Abstrak.** Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu tanda kekuasaan Allah SWT yang diperlihatkan kepada hamba-Nya. Tanpa iman yang kukuh, ia tidak dapat diterima akan kebenarannya. Justeru, peristiwa yang mengandungi seribu satu hikmah dan mukjizat ini amat besar nilainya di sisi Islam yang akan tetap terpahat dalam lipatan sejarah Islam. Makalah ini akan membincangkan manipulasi peristiwa Israk Mikraj dalam beberapa buah karya sastera Arab dan Barat. Untuk tujuan itu, makalah ini akan mengkaji beberapa buah karya sastera yang dikaitkan dengan peristiwa penting ini iaitu al-Maqamah al-Iblisiyah, al-Tawabi' wa al-Zawabi', Risalat al-Ghufran dan *The Divine Comedy*. Kajian ini juga akan menyingkap beberapa perkara yang dilihat secara langsung merupakan manipulasi daripada peristiwa Israk Mikraj. Jika aspek ini jelas wujud dalam karya-karya tersebut, maka tidak boleh tidak satu kesimpulan boleh dibuat, iaitu peristiwa Israk Mikraj telah jelas mempengaruhi perkembangan sastera Arab dan Barat. Namun, apa yang lebih penting ialah kesahihan peristiwa Israk Mikraj harus terus dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang unsur-unsur negatif dan penghinaan terhadap Islam dan umatnya. Dari sudut yang lain pula, keadaan ini tidak dianggap sebagai menyekat idea kreatif bagi penghasilan karya sastera secara tuntas.

**Kata kunci dan frasa:** manipulasi, peristiwa Israk Mikraj, sastera Arab dan Barat

**Abstract.** *The Isra' and Mi'raj (the night journey and ascension of Prophet Muhammad) is considered, in Islam, a symbol of the greatness of Allah. This divine experience of the Prophet, which contains a thousand and one wisdoms and miracles, is very significant in Islam and Islamic history. Yet without a strong conviction, it is not perceivable to be true. This article is an analysis of the manipulation of the Isra' and Mi'raj in several Arabic and Western literary works which make reference to the event, namely al-Maqamah al-Iblisiyah (The Maqama of Iblis), al-Tawabi' wa al-Zawabi' (The Treatise of Familiar Spirits and Demons), Risalat al-Ghufran (The Epistle of Forgiveness) and The Divine Comedy. The aim is to reveal some of the issues that emerge as a direct result of the manipulation of the Isra' and Mi'raj in these works. The existence of the manipulation of the Isra' and Mi'raj in the literary works will indicate that the heavenly incident has to some degree influenced the development of Arabic and Western literatures. If it does exist, it is important that the truth of the Isra' and Mi'raj is protected from any form of denigration that offends Islam and its followers. Nevertheless, this should not be an obstacle where creativity in literary work is concerned.*

**Keywords and phrases:** manipulation, Isra' and Mi'raj, Islam, Arabic and Western literatures

## PENDAHULUAN

Apabila membincangkan peristiwa benar yang terdapat dalam lipatan sejarah Islam, maka ia perlu kembali kepada sumber rujukan utama umat Islam iaitu kitab suci al-Quran. Kitab suci umat Islam ini terkandung di dalamnya seribu satu skop perbincangan sama ada yang berkaitan dengan hukum-hakam, sejarah, kisah tauladan, perumpamaan mahupun fakta sains. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT yang menyatakan bahawa al-Quran merupakan sebuah kitab panduan untuk orang-orang yang beriman, dan tiada sebarang syak dan keraguan di dalamnya. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Kitab al-Quran ini tiada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa" (surah al-Baqarah, ayat 2). Ayat ini menunjukkan bahawa setiap perkara yang berkaitan dengan Islam, ia semestinya mempunyai asas yang jelas serta termaktub dalam al-Quran yang menjadi panduan asas dalam Islam.

Seperti yang sedia dimaklumi bahawa Israk Mikraj merupakan salah satu peristiwa yang termaktub pengkisahannya di dalam al-Quran. Hakikatnya, peristiwa ini amat berpengaruh jika dikaitkan dengan hasil karya sastera, bukan sahaja mencakupi kesusastraan Arab, malah juga kesusastraan Barat. Sebagai

contoh, kegiatan penterjemahan peristiwa Israk Mikraj seperti yang telah dilakukan oleh Munoz Sendino dan Enrico Cerolli menyerlahkan kehebatan pengaruh peristiwa ini dalam kegiatan keilmuan masyarakat Barat. Justeru, tidak hairanlah apabila terdapat beberapa versi peristiwa Israk Mikraj ataupun adaptasinya dalam karya-karya yang dihasilkan oleh para karyawan sastera. Dari satu sudut, keadaan ini menunjukkan kuatnya pengaruh peristiwa sejarah Islam dalam kehidupan masyarakat sehingga dijadikan modal untuk menghasilkan karya sastera. Namun dari sudut yang lain pula, keadaan seperti ini harus ditangani dengan berhati-hati agar peristiwa Israk Mikraj tidak dimanipulasi serta diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu yang natijah akhirnya dikhuatiri akan memberi satu imej tidak baik terhadap agama Islam.

Oleh itu, makalah ini bertujuan merungkai sejauh mana pengaruh peristiwa Israk Mikraj dalam hasil karya Arab dan Barat. Beberapa bentuk penyelewengan terhadap fakta-fakta yang berkaitan dengan peristiwa Israk Mikraj serta kesan yang timbul daripadanya akan dikenangkan dalam makalah ini. Sebanyak tiga karya kesusasteraan Arab dan sebuah karya Barat akan dibincangkan bagi tujuan tersebut, iaitu *al-Maqamat al-Iblisiyah* (Maqamat Iblis/The Maqama of Iblis) oleh Badi' al-Zaman al-Hamadhani, *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* (*al-Tawabi'* merupakan nama bagi jin yang sentiasa mengekor manusia manakala *al-Zawabi'* adalah nama ketua para jin/The Treatise of Familiar Spirits and Demons) oleh Ibn Shuhayd, *Risalat al-Ghufran* (Warkah Pengampunan/The Epistle of Forgiveness) oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri dan *The Divine Comedy* (Komedi Ketuhanan) oleh Dante Alighieri.

## **ISRAK MIKRAJ DAN KEPENTINGANNYA DALAM ISLAM**

Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu peristiwa agung Islam yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Sesuatu yang tidak dapat disangkal bahawa peristiwa Israk Mikraj telah membawa satu pengertian yang besar dalam Islam kerana melalui peristiwa ini, ibadah solat fardu lima waktu mula disyariatkan. Solat yang merupakan tiang agama Islam telah difardukan secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW melalui peristiwa Israk Mikraj. Betapa signifikannya peristiwa ini dalam Islam sehingga Allah SWT menamakan satu surah dalam al-Quran dengan nama surah al-Isra', iaitu sempena peristiwa Israk Mikraj.

Sebelum perbincangan lanjut tentang peristiwa ini dilakukan, adalah lebih baik jika diteliti makna kalimah *Israk* dan *Mikraj* menurut morfologi Arab. Perkataan *isra'* berasal daripada kata kerja *asra* yang bererti perjalanan malam (Ibn Manzur 1990, 14/382). Di dalam al-Quran perkataan *asra* digunakan oleh Allah SAW khusus bagi menjelaskan peristiwa Israk Mikraj. Firman Allah SWT yang

bermaksud: "Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (surah al-Isra', ayat 1).

Manakala perkataan *mi'raj* pula menurut kamus *Lisan al-'Arab* bererti sesuatu yang menyerupai tangga yang digunakan oleh roh manusia untuk ke langit setelah dipisahkan daripada jasad (Ibn Manzur 1990, 2/322). Perkataan ini berasal daripada kata kerja *'araja* (Ibn Manzur 1990, 2/321). Allah SWT telah merakamkan peristiwa Miraj Rasulullah SAW ke langit menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain. (Iaitu) di *Sidrat al-Muntaha*. Berhampiran dengannya terdapat syurga tempat tinggal (Muhammad melihat Jibril) ketika *Sidrat al-Muntaha* diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhan yang paling besar" (surah al-Najm, ayat 13–18).

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa peristiwa Israk Mikraj memang benar-benar dilalui Rasulullah SAW semasa hayatnya. Selain tujuan utama berlakunya peristiwa Israk Mikraj, iaitu pensyariatan ibadah solat kepada umat Islam, peristiwa ini juga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap iman seseorang kerana sebaik sahaja Rasulullah SAW menceritakan perihal Israk Mikraj kepada para sahabat, maka terdapat kalangan mereka yang meragui kesahihannya. Keadaan ini berlaku kerana peristiwa Israk Mikraj amat bertentangan dengan logik akal yang waras. Oleh itu, signifikannya peristiwa ini terhadap Islam apabila ia menjadi kayu ukur tahap keimanan para sahabat Rasulullah SAW.

Bagi melihat kronologi peristiwa besar ini, makalah akan menyoroti beberapa situasi penting yang berlaku dalam peristiwa Israk Mikraj. Penelitian terhadap situasi-situasi ini, walaupun secara sepantas lalu, adalah penting bagi mendapat gambaran yang jelas tentang Israk Mikraj. Pemahaman terhadap peristiwa ini juga akan memudahkan para pembaca melihat secara jelas aspek Israk Mikraj yang telah dimanipulasikan dalam karya-karya sastera yang akan dibincangkan selepas ini. Terdapat perselisihan pendapat tentang tarikh sebenar berlakunya peristiwa Israk Mikraj. Ibn al-Jawzi berpendapat peristiwa Israk Mikraj berlaku lapan bulan sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Yathrib (Madinah), Ibn 'Abd al-Bir pula berkata ia berlaku kira-kira setahun dua bulan sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Yathrib, manakala Ibn Faris berpegang kepada tarikh setahun dan tiga bulan sebelum Hijrah, dan Ibn al-Athir pula berpendapat ia berlaku tiga tahun sebelum proses Hijrah (al-'Asqalani 2003, 7/257).

Walaupun para ulama tidak sepandapat tentang tarikh sebenar berlakunya peristiwa Israk Mikraj, namun secara kolektif mereka bersetuju bahawa peristiwa ini berlaku selepas Rasulullah SAW dilantik menjadi Rasul dan sebelum Baginda SAW berhijrah dari Mekah ke bumi Yathrib. Menurut Safi al-Din al-Mubarakfuri, peristiwa Israk Mikraj berlaku apabila Baginda SAW mengalami pembedahan dada yang dilakukan oleh Malaikat Jibril AS (al-Mubarakfuri 2000, 101). Hati Baginda SAW telah dicuci dengan air zamzam dan kemudian dituangkan hikmah, ilmu dan iman ke dalam dada Rasulullah SAW (al-Haythami 2001, 1/90). Keadaan ini menunjukkan bahawa hati merupakan punca segala amalan manusia. Selain itu, situasi ini membawa pengertian bahawa peristiwa Israk Mikraj amat tinggi nilainya sehingga ia dimulakan dengan persediaan kerohanian melalui proses penyuciaan hati yang dilakukan terhadap insan agung yang sememangnya telah sediakala mulia di sisi Allah SWT.

Ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa setelah selesai pembedahan yang dilakukan sendiri oleh Jibril AS, didatangkan binatang bernama *Buraq* untuk ditunggangi oleh Rasulullah SAW dalam perjalanan luar biasa yang dinamakan *Isra'* (Ibn Kathir 2007, 52). Menurut Ibn Sayyid al-Nas di dalam bukunya '*Uyun al-Athar fi Funun al-Maghazi wa al-Shama'il wa al-Siyar*', *Buraq* adalah sejenis binatang yang melata berwarna putih, saiznya lebih kecil daripada *al-himar* (keldai) serta memiliki sayap pada bahagian paha yang menutupi kedua kakinya (al-Nas t.th., 1/140, 143). Binatang ini dinamakan *Buraq* kerana ketangkasannya yang diumpamakan seperti *al-barq* (kilat) (al-Aswad 1989, 53). Gambaran ciri-ciri *Buraq* ini telah dijelaskan menerusi sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. Beliau telah meletakkan hadis ini sebagai hadis pertama dalam *bab Isra'* Rasulullah SAW ke langit dan pensyariatan solat (al-Nawawi 2003, 2/180). Sebenarnya, jika dilihat dari sudut yang lebih menjurus kepada manfaat manusia di dunia, peristiwa Israk Mikraj telah membuka ruang yang amat luas bagi diadaptasi secara kreatif dan inovatif untuk sumbangan dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai contoh, penggunaan *Buraq* dapat dilihat sebagai satu manifestasi ke arah penciptaan kenderaan berteknologi canggih dan pantas seperti yang wujud pada ketika ini.

Sepanjang perjalanan menuju ke Masjid al-Aqsa di Bayt al-Maqdis, Rasulullah SAW diiringi oleh Jibril AS. Apabila tiba di tempat-tempat tertentu yang tercatat padanya kisah-kisah sejarah Islam, Rasulullah SAW diajukan oleh Jibril AS supaya berhenti dan menunaikan solat dua rakaat bagi menghormati tempat tersebut. Diriwayatkan oleh Anas RA, antara tempat-tempat berkenaan ialah Yathrib, Tursina iaitu tempat Nabi Musa AS bermunajat kepada Allah SWT dan Bayt al-Laham iaitu tempat Nabi 'Isa AS dilahirkan (al-Asqalani 2003, 7/253; al-Haythami 2001, 1/97). Selain itu, dicatatkan bahawa dalam perjalanan menuju ke Masjid al-Aqsa, Rasulullah SAW dapat menyaksikan peristiwa-peristiwa simbolik

yang amat luar biasa. Antaranya gambaran kaum yang sedang bercucuk tanam lalu terus menuai hasil tanaman mereka, dan apabila selesai dituai, hasil tanaman yang baru keluar semula seolah-olah belum lagi dituai. Keadaan ini berlaku berulang-ulang kali, maka Rasulullah SAW diberitahu oleh Jibril AS bahawa gambaran itu menunjukkan ganjaran Allah SWT kepada kaum yang berjihad di jalan Allah yang digandakan pahala kebaikan mereka (al-'Asqalani 2003, 7/253; al-Haythami 2001, 1/92).

Rasulullah SAW juga ditunjukkan gambaran satu kaum yang terdiri daripada lelaki dan perempuan, mereka memakan daging mentah yang busuk, sedangkan daging masak dan elok ada di sisi mereka. Menurut Jibril AS, mereka adalah lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan lelaki dan perempuan itu masing-masing mempunyai isteri atau suami yang sah (al-'Asqalani 2003, 7/253; al-Haythami 2001, 1/92). Selain itu, Rasulullah SAW juga menyaksikan sekumpulan manusia yang sedang mengumpul kayu api, mereka tidak mampu untuk memikulnya, namun mereka terus menambah beban kayu tersebut. Keadaan ini adalah gambaran bagi orang yang gagal menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka (al-'Asqalani 2003, 7/254; al-Haythami 2001, 1/92). Sebenarnya, kesemua peristiwa ini memberi gambaran yang jelas kepada umat Islam bahawa setiap amalan buruk yang dilakukan di dunia, pasti mendapat balasan yang selayaknya di akhirat kelak. Secara tidak langsung, gambaran-gambaran tersebut membuktikan ketegasan Islam berkaitan perkara larangan yang sememangnya membawa kesan negatif di dalam kehidupan manusia.

Setibanya di Masjid al-Aqsa, Rasulullah SAW turun daripada *Buraq* dan kemudian masuk ke dalam masjid lalu mengimamkan solat yang disertai oleh sekalian para Nabi dan Rasul yang terdahulu daripada Baginda SAW (Ibn Kathir 2007, 52). Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa martabat Rasulullah SAW itu amat tinggi, sesuai dengan kedudukannya sebagai Rasul terakhir buat sekalian umat manusia. Allah SWT menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan sekalian para Nabi dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu" (surah al-Ahzab, ayat 40).

Selepas peristiwa Israk, Rasulullah SAW didatangkan dengan Mikraj iaitu sebuah tangga yang indah dari syurga (Ibn Kathir 2007, 55). Rasulullah SAW dan Jibril AS naik ke langit dunia dengan menggunakan Mikraj tersebut. Seterusnya Baginda SAW dan Jibril AS menaiki setiap tingkatan langit dunia yang terdiri daripada tujuh peringkat dan bertemu dengan para Rasul terdahulu daripada Baginda SAW. Pada langit pertama, Rasulullah SAW dan Jibril AS bertemu dengan Nabi Adam AS. Al-Baihaqi ada meriwayatkan bahawa ketika ini Rasulullah SAW

diperlihatkan dengan dua kumpulan manusia, iaitu satu kumpulan daripada golongan yang beriman, manakala kumpulan kedua terdiri daripada golongan yang melakukan dosa dan kejahanatan (al-'Asqalani 2003, 7/266; al-Jawziyah 2003, 3/27). Di langit kedua, Rasulullah SAW dan Jibril AS bertemu dengan Nabi Yahya AS dan Nabi 'Isa AS. Seterusnya, di langit ketiga Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Yusuf AS. Manakala di langit keempat, Baginda SAW bertemu dengan Nabi Idris AS. Kemudian Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Harun AS yang dikelilingi oleh kaumnya daripada kalangan Bani Israil di langit kelima. Di langit keenam, Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Musa AS. Akhirnya di langit ketujuh, Baginda SAW telah bertemu dengan Nabi Ibrahim AS yang sedang bersandar di Bayt al-Ma'mur, iaitu sebuah tempat untuk para Malaikat melakukan tawaf (al-Mubarakfuri 2000, 100).

Selepas itu, Rasulullah SAW telah dinaikkan ke *Sidrat al-Muntaha*<sup>1</sup> untuk bertemu dengan Allah SWT, iaitu untuk menerima perintah solat lima waktu (Ibn Kathir 2007, 57). Imam al-Nawawi telah menukilkan pendapat Ibn 'Abbas dalam kitab *Sharh Sahih Muslim* ketika membicarakan perihal *Sidrat al-Muntaha*. Menurut Ibn 'Abbas, tempat tersebut dinamakan *Sidrat al-Muntaha* kerana pengetahuan para Malaikat terhenti di situ, dan tiada sesiapa yang boleh melepasinya melainkan Rasulullah SAW (al-Nawawi 2003, 2/185). Menerusi penjelasan ini, dapat difahami bahawa *Sidrat al-Muntaha* adalah sebuah tempat yang istimewa serta menjadi tempat larangan termasuk bagi para Malaikat. Ini bermakna ketika di *Sidrat al-Muntaha*, Rasulullah SAW tidak ditemani Jibril AS. Namun, perkara ini merupakan *khilaf* atau percanggahan pendapat dalam kalangan para ulama.

Dalam kitab *Fath al-Bari*, terdapat sebuah hadis yang merakamkan kisah Mikraj Rasulullah SAW serta gambaran tempat bernama *Sidrat al-Muntaha*. Dalam hadis tersebut, *Sidrat al-Muntaha* digambarkan seperti sepohon pokok yang mempunyai buah yang besar seperti tempayan dan daunnya pula lebar seperti telinga gajah (al-'Asqalani 2003, 2/270–271). Turut diberitakan menerusi hadis tersebut bahawa pada pangkal *Sidrat al-Muntaha* terdapat empat batang anak sungai, dua daripadanya ialah sungai "batin" iaitu sungai di syurga, manakala dua lagi sungai merupakan sungai "zahir" iaitu yang terdapat di dunia bernama sungai Nil dan Furat (al-'Asqalani 2003, 7/271). Berkaitan dengan tempat sebenar *Sidrat al-Muntaha*, kitab *Fath al-Bari* turut menyatakan pendapat para sahabat Rasulullah SAW mengenainya. Hadis Anas RA menyatakan bahawa *Sidrat al-Muntaha* itu terletak di langit yang ketujuh, manakala hadis Ibn Mas'ud menyatakan *Sidrat al-Muntaha* terletak di langit yang keenam (al-'Asqalani 2003, 7/270). Namun demikian, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani berijtihad bahawa sebenarnya tiada sebarang kekhilafan antara kedua-dua pendapat tersebut kerana ia boleh membawa maksud bahawa pangkal atau asal *Sidrat al-Muntaha* itu berada di langit keenam, manakala puncak serta daun-daunnya mencapai

sehingga langit yang ketujuh (al-'Asqalani 2003, 7/270). Jika pendapat ini dipegang, maka secara jelas menunjukkan Rasulullah SAW masih ditemani Jibril AS ketika di *Sidrat al-Muntaha*. Hal ini kerana, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa ketika di langit keenam, Rasulullah SAW dan Jibril AS bertemu dengan Nabi Musa AS, manakala di langit ketujuh, mereka bertemu dengan Nabi Ibrahim AS.

Selain itu, diriwayatkan oleh Mujahid bahawa dahan-dahan *Sidrat al-Muntaha* terdiri daripada mutiara, *yaqut* dan *zabarjad* (Ibn Kathir 1998, 7/3334). Dalam kitab *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Ibn Kathir turut menukilkan sebuah hadis daripada Ibn Zayd yang menyatakan bahawa ketika peristiwa Mikraj, Rasulullah SAW melihat terdapat kumpulan Malaikat yang sentiasa bertasbih kepada Allah SWT pada setiap daun *Sidrat al-Muntaha* (Ibn Kathir 1998, 7/3334). Di samping itu, diriwayatkan pula oleh Anas bin Malik RA dalam hadis yang panjang, bahawa ketika di *Sidrat al-Muntaha*, Rasulullah SAW dihidangkan dengan tiga bejana yang berisi arak, susu dan madu. Rasulullah SAW telah memilih susu lalu meminumnya. Menurut Jibril AS, Baginda SAW telah membuat pilihan yang tepat, iaitu pilihan yang menunjukkan fitrah. Fitrah di sini memberi maksud bahawa menjadi satu kelaziman bagi Rasulullah SAW dan umatnya untuk mencintai kebaikan dan membenci keburukan (al-'Asqalani 2003, 7/256). Sekali lagi, keadaan ini menunjukkan Jibril AS masih menemani Baginda Rasulullah SAW ketika di *Sidrat al-Muntaha*. Berbalik kepada persoalan fitrah, menurut Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, perkataan "fitrah" merujuk kepada Islam sebagai satu agama yang tidak sesekali menyalahi tabiat semula jadi manusia (al-Buti 2003, 113). Dengan kata lain, kesemua peraturan yang digariskan oleh Islam untuk umat manusia, tidak sesekali memberati manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Selepas Rasulullah SAW dihidangkan dengan tiga bejana air tersebut, berlangsunglah dialog antara Allah SWT dengan Nabi Muhammad SAW. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhan" (surah al-Najm, ayat 18). Pada awalnya, Allah SWT telah memfardukan ke atas Rasulullah SAW dan umatnya ibadah solat sebanyak 50 kali sehari semalam (al-'Asqalani 2003, 7/256). Selesai bermunajat kepada Allah SWT, dalam perjalanan turun dari *Sidrat al-Muntaha*, Rasulullah SAW menemui Nabi Musa AS dan Baginda AS meminta agar Rasulullah SAW memohon kepada Allah SWT supaya diberi keringanan berkaitan jumlah solat yang difardukan (al-Mubarafuri 2000, 100). Maka dengan rahmat dan kasih Allah SWT, akhirnya solat telah disyariatkan sebanyak lima waktu sehari semalam sahaja dengan mengekalkan nilai ganjarannya sebanyak 50 waktu.

Selepas peristiwa Mikraj, Rasulullah SAW dibawa turun ke langit dunia semula untuk kembali ke Bayt al-Maqdis. Rasulullah SAW telah dibawa menaiki *Buraq* untuk pulang ke Mekah pada malam yang sama. Diriwayatkan bahawa kepulangan Rasulullah SAW di Bayt al-Maqdis telah disambut oleh para Nabi dan Rasul terdahulu sebagai satu tanda penghormatan terhadap Baginda SAW (Ibn Kathir 2007, 58). Menurut Shaykh Abu Muhammad bin Abi Jamrah, antara hikmah Rasulullah SAW melalui peristiwa Israk terlebih dahulu, sebelum naik ke langit (Mikraj) ialah bagi membuktikan bahawa Baginda SAW benar-benar telah melalui peristiwa Israk Mikraj. Hal ini kerana bagi mereka yang ragu-ragu dengan kebenaran Rasulullah SAW, mereka telah meminta Rasulullah SAW menceritakan perihal Bayt al-Maqdis tersebut. Justeru, kebenaran yang diungkap oleh Rasulullah SAW dalam menceritakan perihal Bayt al-Maqdis secara langsung membuktikan kebenaran peristiwa yang dilalui oleh Baginda SAW selepas itu, iaitu Mikraj ke langit (al-'Asqalani 2003, 7/255).

Sebenarnya, terdapat beberapa persoalan yang timbul iaitu sama ada peristiwa Israk Mikraj ini berlaku melibatkan roh Baginda SAW sahaja ataupun jasadnya sekali. Ibn 'Abbas serta majoriti ulama berpendapat bahawa peristiwa Israk Mikraj ini dialami Rasulullah SAW secara roh dan jasadnya sekali, dan bukan dalam bentuk rohnya sahaja atau melalui proses mimpi (Ibn Kathir 2007, 60). Pandangan ini turut dipersetujui Ibn Qayyim al-Jawziyah seperti yang tercatat dalam kitabnya *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad* (al-Jawziyah 2003, 3/27). Perlu ditegaskan di sini bahawa ayat pertama surah al-Isra' juga telah menjelaskan bahawa peristiwa ini memang benar-benar berlaku terhadap diri Rasulullah SAW. Justeru, secara jelas Allah SWT menyatakan bahawa berlakunya peristiwa ini adalah sebagai menzahirkan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan-Nya. Apa yang lebih penting untuk difahami ialah peristiwa Israk Mikraj merupakan satu peristiwa yang membawa mesej bahawa setiap peristiwa yang dialami Rasulullah SAW pastinya membawa makna dan pengajaran yang amat mendalam mencakupi aspek keimanan khususnya berkaitan perkara-perkara ghaib.

## **MANIPULASI ISRAK MIKRAJ DALAM KARYA SASTERA ARAB DAN BARAT**

### **Al-Maqamah Al-Iblisiyah**

Karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* adalah cetusan idea Badi' al-Zaman al-Hamadhani (M 398H) dalam antologi maqamatnya<sup>2</sup>. Ia mengisahkan seorang watak utama bernama 'Isa ibn Hisham. Kisah ini bermula apabila 'Isa ibn Hisham kehilangan untanya. Lalu dalam usaha mencari unta tersebut, beliau telah menjumpai sebuah kawasan yang amat indah dan tidak pernah dilihatnya sebelum

ini. Tempat tersebut dipenuhi dengan pokok-pokok yang menghijau dan merimbun, sungai yang mengalir daripadanya air yang jernih, buah-buahan yang bergantungan, dan bunga-bungaan yang bercahaya. Dalam keasyikan menikmati suasana yang amat indah itu, 'Isa ibn Hisham telah terserempak dengan seorang tua yang sedang duduk beristirehat. Sebenarnya si tua tersebut adalah iblis. Setelah menemui si tua itu dan menceritakan masalahnya, 'Isa ibn Hisham telah diminta untuk memperdengarkan kepadanya bait-bait syair daripada penyair Arab yang terkenal seperti Imr al-Qays, 'Abid, Labid, Tarfah, Jarir dan Abu Nuwas, lalu dipenuhi permintaan tersebut.

Apabila tiba kepada syair Abu Nuwas, 'Isa ibn Hisham mendapati si tua tadi memukul gendang tanda gembira mendengar syair tersebut. Lalu 'Isa ibn Hisham bertanya kepada si tua tentang kelebihan syair Abu Nuwas berbanding syair-syair yang lain, sedangkan Abu Nuwas merupakan seorang yang bersifat fasik atau dengan kata yang mudah, beliau memiliki sifat yang tidak baik untuk dibanggakan dan dicontohi. Lalu si tua itu memberitahu bahawa setiap penyair mempunyai iblisnya yang tersendiri sebagai pembantu, dan iblis bagi Abu Nuwas adalah dirinya sendiri, lalu si tua tadi terus menghilangkan diri (al-Hamadhani 2003, 208–212).

Daripada sinopsis karya ini, dapat dilihat bahawa terdapat unsur peristiwa Israk Mikraj yang dimanfaatkan oleh al-Hamadhani secara jelas dalam *al-Maqamah al-Iblisiyah*. Ini dilihat menerusi beberapa titik persamaan yang terdapat dalam *al-Maqamah al-Iblisiyah* dan peristiwa Israk Mikraj. Sebagai contoh, *al-Maqamah al-Iblisiyah* memberi gambaran pertemuan seorang manusia dengan iblis di alam ghaib serta mengambil tempat yang digambarkan seperti syurga. Si tua yang ditemui 'Isa ibn Hisham turut diperlihatkan sebagai Nabi Adam AS yang merupakan bapa kepada umat manusia seluruhnya serta pernah tinggal dan merasai nikmat syurga sebelum diutuskan ke dunia. Jika dilihat dalam peristiwa Israk Mikraj, Rasulullah SAW diriwayatkan telah bertemu Nabi Adam AS di langit pertama iaitu sebagai pertemuan pertama Rasulullah SAW sebelum menemui para Nabi yang lain di langit yang seterusnya. Selain itu, jika diperhatikan secara mendalam, peristiwa Israk Mikraj dikaitkan sebabnya dengan kehilangan dua insan yang amat rapat dengan Rasulullah SAW iaitu isterinya Sayyidatina Khadijah RA dan bapa saudaranya Abu Talib. Manakala dalam karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* secara jelas, ia memaparkan bahawa sebab utama kepada penemuan 'Isa ibn Hisham dengan alam yang indah tersebut ialah kerana kehilangan untanya.

Justeru, dapat ditegaskan di sini bahawa para pembaca *al-Maqamah al-Iblisiyah* yang mengetahui peristiwa Israk Mikraj akan dengan mudah mendapati bahawa karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* lahir daripada manipulasi peristiwa Israk Mikraj. Walaupun mungkin bagi sesetengah pembaca *al-Maqamah al-Iblisiyah* yang

tidak mengetahui peristiwa Israk Mikraj, maka mereka tidak menemui pengaruh peristiwa ini dalam karya secara jelas, namun *al-Maqamah al-Iblisiyah* tetap dianggap sebagai sebuah karya yang secara terang memasukkan unsur penghinaan terhadap peristiwa Israk Mikraj. Perkara ini dapat dilihat apabila dalam Israk Mikraj, Rasulullah SAW telah bertemu dengan para Nabi terdahulu yang diutuskan sebelum Baginda SAW menjadi Rasul, manakala dalam *al-Maqamah al-Iblisiyah*, 'Isa ibn Hisham telah bertemu dengan iblis iaitu makhluk yang menerima lakan daripada Allah SWT. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pengaruh peristiwa Israk Mikraj dalam karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* secara jelas menjurus kepada penghinaan yang semestinya memberi impak negatif terhadap akidah para pembaca karya tersebut khususnya bagi mereka yang memiliki pengetahuan tentang peristiwa Israk Mikraj.

Malah gambaran tempat indah dalam *al-Maqamah al-Iblisiyah* amat mirip dengan gambaran syurga seperti yang digambarkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Sifat syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih, dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari Tuhan mereka" (surah Muhammad, ayat 15). Selain itu, menurut Muhammad al-Tunji, karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* telah memberi impak yang besar dalam kesusteraan Arab apabila muncul karya-karya lain yang turut memanfaatkan jalan cerita peristiwa Israk Mikraj seperti *al-Tawabi 'wa al-Zawabi'* dan *Risalat al-Ghufran* (al-Tunji 1995, 126).

### **Al-Tawabi' Wa Al-Zawabi'**

Kisah *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* pula merupakan sebuah kisah dalam bentuk puisi yang dikarang oleh Ahmad bin 'Abd al-Malik bin 'Umar bin 'Isa bin Shuhayd atau lebih dikenali sebagai Ibn Shuhayd (382 H–426 H) (Ibn Khallikan 1969, 1/69). Menurut Muhammad al-Tunji karya ini telah dihasilkan pada tahun 403 Hijrah (al-Tunji 1995, 126). Karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* mengandungi mukadimah dan empat fasal yang menceritakan perihal jin bagi para penyair, penggiat seni prosa, pengkritik sastera, manakala fasal terakhir menceritakan perihal haiwan milik jin-jin tersebut. Sebenarnya, karya ini merupakan surat Ibn Shuhayd yang dikirimkan kepada sahabatnya, Ibn Hazm bagi memberitahu akan keletihannya mengkaji dan menelaah karya-karya yang ditulis oleh para karyawan zaman lampau. Perkataan *al-Tawabi'* berasal daripada perkataan *al-Tabi'* yang merupakan nama bagi jin yang sentiasa mendampingi manusia, manakala *al-*

*Zawabi'* berasal daripada perkataan *al-Zawbi'ah* yang bermakna ketua sekalian jin, atau juga dikenali sebagai *al-Shaytan* (Hilal 1983, 228; al-Tunji 1995, 126).

Menurut Butrus al-Bustani dalam mukadimah buku *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* yang dihurai olehnya, tujuan utama Ibn Shuhayd menghasilkan karya ini adalah untuk menempelak para menteri dan karyawan lain pada ketika itu serta untuk tujuan memperlihatkan kehebatannya dalam menghasilkan karya sastera yang bersifat di luar keupayaan akal manusia untuk menciptanya apabila ia mengambil suasana alam ghaib sebagai latar karya (Ibn Shuhayd 1980, 70). Mustafa al-Shak'ah pula menjelaskan bahawa sumber utama penghasilan karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* ialah karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* (al-Shak'ah 1993, 682). Hal ini secara jelas membuktikan bahawa Ibn Shuhayd turut mengikuti jejak langkah Badi' al-Zaman al-Hamadhani dalam memanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj dalam karya masing-masing. Malah Mustafa al-Suyufi menyatakan bahawa *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* mempunyai kaitan rapat dengan peristiwa Israk Mikraj walaupun secara tidak begitu jelas jika dibandingkan dengan *Risalat al-Ghufran* karya Abu al-'Ala' al-Ma'arri (al-Suyufi 1985, 76).

Ibn Shuhayd menceritakan perjalanannya bersama seekor kuda yang hebat dan tangkas ke alam ghaib, lalu bertemu dengan Zuhayr bin Numayr yang merupakan antara jin yang paling kuat dan berkuasa. Kemudian kedua-duanya berbual mengenai kisah para khatib dan penyair Arab terkenal pada zaman lampau. Selain itu, dikisahkan bahawa Ibn Shuhayd telah membuat satu permintaan kepada Zuhayr bin Numayr untuk bertemu dengan jin-jin yang lain di alam tersebut. Lalu mereka menunggang seekor kuda milik Ibn Shuhayd yang berwarna hitam serta amat tangkas dan hebat. Mereka pun terbang dengan menggunakan kuda tersebut, dari satu tempat ke tempat yang lain seperti terbangnya seekor burung yang bebas, sehingga mereka sampai di suatu tempat yang agak ganjil. Di tempat ini, Ibn Shuhayd dan ketua jin tadi bertemu dengan beberapa jin lain yang merupakan jin-jin kepada para penyair terkenal zaman Jahiliyah seperti jin Imr al-Qays, Tarfah dan Qays ibn al-Hatim. Selain itu, mereka juga bertemu dengan jin-jin bagi para penyair zaman Islam seperti jin Abu Tammam, al-Buhturi, Abu Nuwas, dan al-Mutanabbi. Setiap kali berjumpa dengan jin-jin tersebut, Ibn Shuhayd akan berbual mengenai syair mereka yang sememangnya memiliki keistimewaan tersendiri, selain mengambil *ijazah* atau pengiktirafan daripada mereka. Turut diceritakan dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* bahawa Ibn Shuhayd telah bertemu dengan syaitan al-Jahiz, Badi' al-Zaman al-Hamadhani (pengarang *al-Maqamah al-Iblisiyah*) dan 'Abd al-Hamid al-Katib. Kesemua mereka bukanlah daripada golongan penyair tetapi golongan yang amat aktif dalam penghasilan prosa-prosa kesusasteraan Arab.

Jika karya ini diteliti secara terperinci, ia amat jelas menunjukkan bahawa Ibn Shuhayd telah memanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj yang dijadikan asas

kepada penggembelangan jalan cerita *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Secara jelas, pertemuan Ibn Shuhayd dengan jin-jin kepada para penyair zaman Jahiliyah dan Islam menyamai peristiwa yang dialami Rasulullah SAW dalam Israk Mikraj. Baginda SAW telah bertemu dengan beberapa orang para Rasul terdahulu seperti Nabi Adam AS, Nabi Idris AS, Nabi Musa AS, Nabi Harun AS, Nabi 'Isa AS, dan juga Nabi Ibrahim AS. Malah situasi yang menggambarkan pada setiap kali bertemu dengan jin-jin kepada para penyair tersebut, Ibn Shuhayd akan berbual-bual dan mengambil *ijazah* daripada mereka amat ketara persamaannya dengan peristiwa Israk Mikraj. Keadaan ini amat jelas apabila Rasulullah SAW turut berinteraksi dengan para Rasul terdahulu yang ditemuinya di setiap tingkatan langit menuju ke *Sidrat al-Muntaha*.

Pemanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* juga dapat dilihat secara jelas dengan penggunaan seekor binatang ajaib dalam pengembaran Ibn Shuhayd iaitu seekor kuda hitam yang hebat kerana ia dapat terbang seperti burung dari satu tempat ke tempat yang lain dengan pantas (Ibn Shuhayd 1980, 91). Keadaan ini menyamai peristiwa Israk Mikraj iaitu apabila Rasulullah SAW menunggang seekor binatang daripada syurga bernama *Buraq* yang memiliki ketangkasan dalam pergerakannya. Selain itu, pengembaran ke alam lain yang dialami Ibn Shuhayd dengan ditemani jin yang amat berkuasa bernama Zuhayr ibn Numayr menyerlahkan lagi unsur Israk Mikraj dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Seperti yang dimaklumi, Rasulullah SAW telah ditemani Jibril AS sepanjang peristiwa Israk Mikraj sehingga salah Baginda SAW mengadap Allah SWT di *Sidrat al-Muntaha*.

Selain itu, sebagai pengukuhan kepada dakwaan bahawa berlaku proses memanipulasi peristiwa Israk Mikraj dalam karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*, secara mudah dapat diperhatikan apabila karya ini menjadikan alam ghaib sebagai latar karya. Maka semestinya perkara ini berlaku natijah daripada usaha memanfaatkan fakta berkaitan peristiwa Israk Mikraj. Hal ini kerana akal manusia amat terbatas dalam memikirkan sesuatu yang tidak mampu digapai oleh lima pancaindera. Perkara ini turut diulas oleh Munjid Mustafa Bahjat yang menyatakan bahawa titik persamaan yang amat jelas antara karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* dengan peristiwa Israk Mikraj ialah apabila kedua-duanya membicarakan satu situasi yang sama, iaitu peralihan latar kisah dari alam nyata ke alam ghaib (Bahjat 2001, 223).

### Risalat Al-Ghufran

*Risalat al-Ghufran* merupakan sebuah karya yang amat terkenal dalam dunia kesasteraan Arab. Karya yang dihasilkan oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri (363 H–449 H) ini telah dihasilkan pada tahun 424 H (al-Ma'arri t.th., 387). Karya ini

terbahagi kepada dua bahagian, iaitu yang pertama tentang pengembaraan ke alam khayal, manakala bahagian kedua lebih menjurus kepada surat yang diutuskan kepada sahabat. Dalam kesusasteraan Arab, ia dikenali sebagai seni *al-Rasa'il al-Ikhwaniyah* (al-Ma'arri t.th., 46). Sebenarnya karya ini merupakan jawapan kepada sepuak surat yang diterima daripada sahabat al-Ma'arri, iaitu Abu al-Hassan 'Ali al-Mansur atau lebih dikenali sebagai Ibn al-Qarih (351 H–421 H). Perbincangan dalam bahagian ini akan tertumpu kepada bahagian pertama *Risalat al-Ghufran* kerana jalan ceritanya merupakan hasil proses manipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj.

Karya ini memaparkan persoalan-persoalan yang diutarakan oleh Ibn al-Qarih kepada al-Ma'arri tentang kesalahan dan dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia seperti meninggalkan kewajipan agama, minum arak, menggunakan kata-kata yang mengghairahkan dalam pengucapan dan sebagainya. Hakikatnya, kesemua bentuk kesalahan ini boleh membawa manusia ke neraka sebagai penghuni yang kekal di dalamnya. Al-Ma'arri menulis risalahnya dengan menjadikan Ibn al-Qarih sebagai watak utama bagi memberi penjelasan kepada manusia bahawa keampunan Allah SWT amat luas bagi mereka yang telah melakukan kesilapan kepada-Nya. Justeru, Umar Farukh menyatakan bahawa tujuan al-Ma'arri menulis *Risalat al-Ghufran* ialah untuk menerangkan kepada manusia bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas yang secara tidak langsung memberi galakan kepada Ibn al-Qarih untuk segera bertaubat (Farukh 1992, 3/125).

Dalam *Risalat al-Ghufran*, al-Ma'arri menyebut terdapat ulama yang berpendapat bahawa ramai penyair-penyair zaman Jahiliyah mahupun Islam yang akan menjadi penghuni neraka, tetapi mereka boleh masuk ke dalam syurga dengan sebab kerja-kerja sastera mereka, walaupun ada yang berpendapat mereka adalah daripada golongan *zindiq* [iaitu golongan yang zahirnya Islam tetapi menyembunyikan kekufurnya] (Farukh 1992, 3/125). Sebenarnya pendapat ini mempunyai kaitan rapat dengan al-Ma'arri sendiri kerana beliau juga dianggap sebagai seorang *zindiq* kerana karya-karya kontroversinya. Malah Zayn al-Din 'Umar bin al-Wardi menyatakan dalam bukunya *Tatimmat al-Mukhtasar fi Ikhbar al-Bashar aw Tarikh Ibn al-Wardi* bahawa Ibn al-Jawzi secara jelas melabel al-Ma'arri sebagai seorang *zindiq* (Ibn al-Wardi 1969, 1/501).

Seterusnya al-Ma'arri membayangkan bahawa Ibn al-Qarih telah sampai ke satu tempat yang amat indah iaitu, yang digambarkan seperti syurga. Tempat ini dipenuhi dengan pokok-pokok yang merimbun dan dipenuhi dengan kenikmatan seperti terdapatnya pelbagai jenis minuman. Minuman tersebut dihidangkan menggunakan gelas-gelas emas, minuman-minuman itu pula dituang daripada jag-jag yang diperbuat daripada zabarjad, selain tempat itu juga dihiasi dengan bunga-bungaan yang amat indah dan segar. Gambaran ini secara jelas membuktikan bahawa terdapat pengaruh al-Quran yang dijadikan sumber pembentukan imaginasi al-Ma'arri ketika proses penghasilan karya *Risalat al-*

*Ghufran*. Sama seperti karya sebelum ini, dalam *Risalat al-Ghufran*, Ibn al-Qarīh telah bertemu dengan beberapa orang penyair zaman Jahiliyah yang berada di syurga. Para penyair tersebut berada di dalam syurga disebabkan karya-karya mereka yang baik dan indah. Oleh sebab itu, walaupun mereka hidup di zaman Jahiliyah, namun mereka telah diberi keampunan atas segala dosa mereka dan seterusnya ditempatkan di dalam syurga. Antara penyair-penyair tersebut ialah al-A'sha, al-Nabīghah, 'Adi dan beberapa orang lagi.

Di samping itu, dikisahkan bahawa Ibn al-Qarīh sendiri telah menerima syafaat daripada Rasulullah SAW melalui perantaraan Sayyidatina Fatimah RA, lalu Ibn al-Qarīh dibenarkan masuk ke dalam syurga bagi meninjau keadaan syurga tersebut (al-Tunji 1995, 129). Hakikatnya, keadaan ini secara jelas menunjukkan al-Ma'arri telah melakukan satu kesilapan besar kerana melibatkan *ahli bayt* (keluarga Rasulullah SAW) dalam karya imaginasinya. Penglibatan nama puteri Rasulullah SAW dilihat sebagai satu penghinaan terhadap agama Islam kerana tiada sebarang asas kebenaran yang dibawa oleh mesej al-Ma'arri dalam karyanya ini. Seterusnya, Ibn al-Qarīh dibawa melihat keadaan neraka bagi melihat keadaan iblis yang menerima seksaan yang amat pedih daripada Tuhannya. Selain itu, al-Ma'arri menyatakan bahawa Imr al-Qays, 'Antarah, Tarfah dan al-Akthal adalah antara penyair-penyair yang berada di dalam neraka tersebut. Menerusi pengkisahan di neraka, dapat diperhatikan secara jelas bahawa al-Ma'arri telah memanfaatkan pengertian ayat al-Quran yang menceritakan gambaran seksaan penghuni neraka dalam karyanya. Sebagai contoh ialah ketika al-Ma'arri memberi gambaran tentang seksaan yang diterima oleh Bashār bin Bard (al-Ma'arri t.th., 302). Gambaran ini menepati maksud firman Allah SWT yang menggambarkan situasi seksaan di dalam neraka: "Kami akan membakar mereka dalam api neraka, tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (surah al-Nisa', ayat 56).

Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa karya *Risalat al-Ghufran* ini mempunyai beberapa penyelewengan secara jelas terhadap fakta agama Islam, meskipun tujuan utama penulisannya ialah untuk menyatakan bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas terhadap hamba-Nya. Sesungguhnya perkara yang melibatkan penyelewengan fakta agama Islam harus dipandang serius kerana ia membabitkan soal iman dan akidah yang merupakan antara perkara terpenting dalam Islam serta tidak boleh sama sekali diberi tafsiran yang salah mahupun ditokok tambah kesahihannya.

Bagi menjelaskan hujah bahawa *Risalat al-Ghufran* merupakan sebuah karya yang dimanipulasi daripada peristiwa Israk Mikraj, makalah ini akan

menghuraikan beberapa persamaan antara keduanya. Sebagai contoh ialah wujudnya penceritaan tentang nikmat syurga dan azab neraka seperti yang disaksikan oleh Ibn al-Qarib dalam *Risalat al-Ghufran* dan keadaan inilah yang telah dialami oleh Rasulullah SAW semasa Israk Mikraj. Selain itu, satu fakta yang tidak dapat dinafikan kebenarannya dalam kisah *Risalat al-Ghufran* ialah keadaan syaitan yang diperlihatkan sedang menerima seksaan di dalam neraka. Secara jelas, ia menceritakan satu fakta yang memang terdapat di dalam al-Quran iaitu yang menyatakan bahawa tempat bagi syaitan adalah neraka yang bersifat azab. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh (mu), kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghulu neraka yang menyala-nyala" (surah Fatir, ayat 6).

Pengekalan fakta sebenar yang disandarkan kepada al-Quran seperti di atas telah membuktikan bahawa al-Ma'arij berusaha untuk menampakkan bahawa khayalan imaginasinya dalam *Risalat al-Ghufran* adalah sesuatu yang tidak boleh tidak, perlu diterima oleh akal manusia yang amat terbatas. Lebih penting lagi, disebabkan fakta tersebut selari dengan makna mesej al-Quran, maka ia mestи diimani dengan keimanan yang putus iaitu tanpa syak dan ragu oleh khalayak pembaca Muslim. Namun, keadaan ini tidak sesekali dapat diterima dengan selesa dan sepenuhnya oleh mereka yang berpegang teguh kepada fakta yang terkandung di dalam al-Quran kerana masih terdapat banyak fakta yang disampaikan oleh al-Ma'arij dalam karyanya ini boleh menjaskan akidah pembacanya.

### **THE DIVINE COMEDY**

Karya *The Divine Comedy* telah dihasilkan oleh Dante Alighieri (1265–1321), seorang sasterawan yang dilahirkan pada tahun 1265 di Florence (Dante 1993, 3). Karya yang judul asalnya *La Divina Commedia* ini ditulis dalam bahasa Itali dan merupakan antara karya agung dalam dunia kesusasteraan Itali. Muhammad 'Abd al-Salam Kafafi menyatakan bahawa Dante telah mengambil masa kira-kira 14 tahun untuk menyiapkan karyanya ini. Proses penghasilan karya ini dimulakan sekitar tahun 1307 dan siap pada tahun 1321, iaitu tahun beliau meninggal dunia (Kafafi 1971, 179). Pada asalnya, Dante menjudulkan karyanya ini sebagai *Comedy* sahaja, tetapi telah ditokok tambah menjadi *The Divine Comedy* iaitu pertambahan perkataan *Divine* oleh golongan yang taksub kepada karyanya itu pada terbitan tahun 1555 (al-Tunji 1995, 133; Hilal 1983, 149). Jika diteliti secara terperinci, sebenarnya Dante mula terlibat dalam dunia kesusasteraan lebih-lebih lagi yang mempunyai pengaruh Islam setelah menjadi murid kepada Brunetto Latini. Tokoh ini telah menghasilkan sebuah buku yang banyak mengupas khazanah ilmu pengetahuan berkaitan keilmuan Arab termasuk bidang sastera.

Buku yang berjudul *Kanz* telah ditulis pada tahun 1266 dan menjadi salah satu rujukan utama Dante dalam mengadaptasikan unsur-unsur Islam dalam karyanya seperti *The Divine Comedy* (al-Tunji 1995, 142–143).

Hakikatnya, karya ini amat terkenal dalam kalangan para penggiat sastera khususnya bagi masyarakat Barat. Ia dihasilkan melalui teknik penceritaan dalam bentuk puisi yang digubah secara puitis bagi menampakkan keindahan struktur luarannya. Karya ini mengandungi tiga bab utama, iaitu Neraka (*Hell*), Penyucian (*Purgatory*), dan Syurga (*Paradise*). Pada setiap bab dalam karya *The Divine Comedy* ini dimuatkan sebanyak 33 kumpulan puisi, kecuali bab pertama yang menyatakan perihal Neraka (*Hell*) yang mengandungi 34 kumpulan puisi serta tambahan satu lagu sebagai mukadimah di permulaan karya. Secara keseluruhannya, karya ini terdiri daripada 100 kumpulan puisi. Sesuatu yang menarik untuk diperkatakan di sini ialah apabila Dante mengakhiri bait terakhir bagi setiap bab dalam *The Divine Comedy* dengan perkataan "stars" atau bintang. Bagi bab Neraka (*Hell*) Dante mengakhirinya dengan bait: "*Thence issuing we again beheld the stars*" (Dante 1993, 146), bab Penyucian (*Purgatory*) diakhiri dengan bait: "*Pure and made apt for mounting to the stars*" (Dante 1993, 286), manakala pada bab Syurga (*Paradise*) ia disudahi dengan rangkap: "*That moves the sun in Heaven and all the stars*" (Dante 1993, 427).

Dalam bab pertama, iaitu yang menceritakan perihal Neraka (*Hell*), Dante memberi gambaran tentang keadaan-keadaan manusia yang diseksa di dalamnya. Dante memperlihatkan manusia yang melakukan kesalahan dengan gambaran yang amat dahsyat dan mengerikan. Mereka berada dalam keadaan tanpa pakaian, mereka digigit oleh serangga-serangga seperti lalat dan lebah, mata mereka pula mengalir darah yang amat banyak, manakala di bawah telapak kaki mereka terdapat ulat-ulat yang amat menjijikkan. Tidak dinafikan, walaupun seksaan ini merupakan imaginasi Dante tetapi hakikat bahawa neraka adalah tempat penyeksaan telah digambarkan oleh Dante secara benar tanpa penyelewengan yang jelas. Keadaan ini secara langsung menunjukkan bahawa Dante telah terpengaruh dengan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam al-Quran menerusi rujukan tulisan-tulisan gurunya, Brunetto Latini.

Seterusnya, untuk pengkisahan dalam bab Penyucian (*Purgatory*), ia digambarkan sebagai satu tempat yang tiada malam dan siang. Satu keadaan yang tidak dapat dibayangkan keadaannya oleh akal manusia yang amat terbatas. Tempat tersebut juga diselubungi suasana sedih dan pilu disebabkan dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Kesemua keadaan ini digambarkan semasa perjalanan Dante menyelusuri tempat Penyucian tersebut. Manakala untuk bab terakhir, iaitu bab yang menceritakan perihal Syurga (*Paradise*), ia digambarkan sebagai satu tempat yang amat indah, dihuni oleh golongan

panglima perang yang telah mengabdi dan mengorbankan diri untuk kesejahteraan orang lain. Mereka diibaratkan seperti pohon bunga-bunga yang menghiasi singgahsana dan memenuhi kawasan yang amat luas dan lapang. Kemuliaan mereka juga digambarkan sehingga mereka boleh muncul di taman-taman yang terletak di langit. Sebenarnya, di dalam al-Quran, Allah SWT secara jelas menceritakan perihal ahli syurga dan kenikmatan yang dinikmati serta mereka bebas bergerak ke mana sahaja di dalam syurga. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Serta mereka berkata: Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menepati janjinya kepada kami, dan yang menjadikan kami mewarisi bumi syurga ini dengan sebebas-bebasnya, kami boleh mengambil tempat dari syurga ini di mana sahaja kami suka; maka pemberian yang demikian ialah sebaik-baik balasan bagi orang-orang yang beramal" (surah al-Zumar, ayat 74).

Selain pendapat yang mengatakan bahawa *The Divine Comedy* adalah cedokan idea daripada peristiwa Israk Mikraj seperti yang dijelaskan secara terperinci oleh Salah Fadl di dalam bukunya yang berjudul *Ta'thir al-Thaqafah al-Islamiyah fi al-Kumidiya al-Ilahiyah li Danti*, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa *The Divine Comedy* juga dipengaruhi karya *Risalat al-Ghufran* oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri. Malah kajian turut mendapati banyak persamaan antara *The Divine Comedy* dan *Risalat al-Ghufran* seperti kedua-dua pengembaraan dalam karya tersebut adalah manusia biasa, motif kedua-dua karya adalah sama iaitu berunsur sastera dan agama, juga pertemuan watak utama dalam kedua-dua karya dengan beberapa individu penting di zaman masing-masing. Selain itu, kedua-dua karya didapati menggambarkan kenikmatan syurga serta penghuninya dalam bentuk kumpulan manusia manakala bagi menggambarkan kesengsaraan neraka dan penghuninya, ia digambarkan melalui watak individu. Kedua-dua karya turut memasukkan beberapa watak haiwan seperti singa dan harimau. Malah turut dimuatkan dalam kedua-dua karya ini ialah watak wanita yang berpengaruh seperti watak Fatimah dalam *Risalat al-Ghufran* dan watak Beatrice dalam *The Divine Comedy*. Seorang penulis dan pengkritik sastera Arab bernama Ruhi al-Khalidi menyatakan bahawa *The Divine Comedy* merupakan adunan semula *Risalat al-Ghufran* yang telah dihasilkan oleh al-Ma'arri dua kurun lebih dahulu daripada penghasilan *The Divine Comedy* oleh Dante (al-Khalidi 1912, 133).

Untuk meninjau sejauh mana Dante telah memanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj dalam karyanya, beberapa perkara yang dilihat sebagai antara bentuk penyelewengan dan manipulasi terhadap peristiwa tersebut akan diketengahkan secara ringkas sebelum kesimpulan secara tuntas dibuat. Antaranya ialah terdapat penceritaan tentang nikmat syurga dan azab neraka dalam karya *The Divine Comedy*, begitu juga yang terdapat dalam peristiwa Israk Mikraj yang telah diperlihatkan kepada Rasulullah SAW. Selain itu, penglibatan Virgil yang menemani Dante dalam pengembaraan mereka turut mengaitkan penglibatan Jibril AS yang telah menemani Rasulullah SAW sepanjang peristiwa Israk Mikraj

kecuali ketika Baginda SAW mengadap Allah SWT. Selain itu, Dante juga memaparkan situasi beliau dikejar dan dihalang oleh syaitan dalam perjalanannya. Perkara ini secara jelas mengukuhkan lagi hujahan bahawa Dante telah memanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj kerana dalam peristiwa ini, perjalanan Rasulullah SAW turut dihalang oleh syaitan yang membawa obor api. Keadaan syaitan yang disejka di dalam neraka yang dipaparkan dalam *The Divine Comedy* turut menyerlahkan kaitan karya ini dengan Israk Mikraj. Secara tidak langsung, Dante dilihat berusaha untuk menunjukkan bahawa karyanya bersifat benar dan bukan bersifat dongeng atau diselubungi imaginasi semata-mata. Begitu juga dengan persamaan yang begitu ketara antara *The Divine Comedy* dan peristiwa Israk Mikraj apabila kedua-duanya memaparkan bentuk-bentuk azab yang terdapat di dalam neraka dengan gambaran yang amat menakutkan dan mengerikan.

Satu perkara yang perlu dijelaskan di sini bahawa, Dante sebagai seorang yang beragama Kristian tidak lari daripada mengetengahkan keadaan yang dianggap satu penghinaan terhadap kesucian Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi *The Divine Comedy* apabila beliau dengan jelas meletakkan Nabi Muhammad SAW dan Sayidina Ali RA dalam neraka bersama-sama ahli maksiat yang lain. Namun, penterjemah pertama *The Divine Comedy* ke dalam bahasa Arab iaitu Hasan 'Uthman telah memansuhkan perenggan ini seperti yang dinyatakan dalam naskhah terjemahannya yang dicetak untuk cetakan kedua oleh Dar al-Ma'arif pada tahun 1955. Antara petikan teks asal yang berkaitan dengan penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW dan Sayidina Ali RA yang terdapat dalam *The Divine Comedy* berbunyi:

*Whilst eagerly I fix on him my gaze,  
He eyed me, with his hands laid his breast bare,  
And cried, Now mark how I do rip me: lo!  
How is Mohammed mangled: before me  
Walks Ali weeping, from the chin his face  
Cleft to the forelock; and the others all,  
Whom here thou seest, while they lived, did sow  
Scandal and schism, and therefore thus are rent.*

(Dante 1993, 117)

Menerusi contoh ini, jelas menggambarkan bahawa dalam usaha Dante untuk memanfaatkan fakta-fakta berkaitan peristiwa Israk Mikraj dan dimuatkan dalam karyanya *The Divine Comedy*, beliau dilihat berusaha menjulang fahaman agamanya yang tidak mengiktiraf pelantikan Rasulullah SAW sebagai Nabi dan Rasul terakhir pilihan Allah SWT. Adalah sesuatu yang jelas bahawa, *The Divine Comedy* telah membawa satu impak negatif terhadap pegangan pembacanya yang

beragama Islam. Sesungguhnya, selepas mengkaji karya *The Divine Comedy* ini, tidak dapat dinafikan bahawa Dante telah memanipulasi fakta sejarah Islam berkaitan peristiwa Israk Mikraj secara sedar dan selesa. Keadaan ini disokong oleh Miguel Asin Palacios (1871–1944), iaitu seorang sarjana Eropah pertama yang mengesan dan menulis tentang pengaruh Islam ke atas Dante dan karyanya:

*Six hundred years at least before Dante Alighieri conceived his marvellous poem, there existed in Islam a religious legend narrating the journey of Mahomet to the abodes of the after-life. In the course of time from the eighth to the thirteenth centuries of our era-Moslem traditionist, theologians, interpreters of the Scriptures, mystics, philosophers and poets — all united in weaving around the original legend a fabric of religious narrative; at times their stories were amplifications, at others, allegorical adaptations or literary imitations. A comparison with the Divine Comedy of all these versions combined bewrays many points of resemblance, and even of absolute coincidence, in the general architecture and ethical structure of hell and paradise; in the description of the tortures and rewards; in the general lines of the dramatic action; in the episodes and incidents of the journey; in the allegorical signification; in the roles assigned to the protagonist and to the minor personages; and, finally, in intrinsic literary value.* (Palacios 2001, 75)

### **MANIPULASI TERHADAP WAHYU ILAHI: SATU NILAIAN DARI SUDUT AKIDAH**

Sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran telah dimanipulasi oleh beberapa orang karyawan Arab mahupun Barat dalam usaha memperlihatkan kehebatan karya ciptaan mereka. Perkara ini bukan sahaja disandarkan peristiwa Israk Mikraj sahaja, tetapi ia turut melibatkan beberapa lagi kisah-kisah al-Quran seperti kisah Nabi Yusuf AS dan Zulaykha, juga kisah Taufan Nabi Nuh AS. Malah, Allah SWT telah mengiktiraf kisah Nabi Yusuf AS sebagai antara kisah al-Quran yang terbaik bagi renungan dan iktibar para pembaca al-Quran. Firman Allah SWT di dalam surah Yusuf yang bermaksud: "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahuukan kepadamu al-Quran ini, padahal sebenarnya engku sebelum datangnya wahyu itu, adalah daripada orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya" (surah Yusuf, ayat 3).

Keindahan kisah-kisah al-Quran yang dirakamkan oleh Allah SWT semestinya didasari oleh aspek benar dan realiti. Hal ini menyebabkan kisah-kisah al-Quran

mampu dijadikan asas kepada jalan cerita karya seni yang diadaptasi daripada kisah-kisah tersebut. Ini bermakna, masyarakat akan lebih mudah untuk mengikuti jalan cerita serta mesej di sebalik karya tersebut tanpa perlu membuat sebarang kajian atau penelitian yang khusus. Seperti yang dimaklumi bahawa kesemua isi kandungan al-Quran sentiasa bersifat benar, mampu difahami akal fikiran manusia serta tidak terkeluar daripada ruang lingkup kehidupan yang bersifat realiti. Jika disoroti pada zaman permulaan Islam, al-Quran telah memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan kesusastraan Arab pada ketika itu. Sememangnya al-Quran itu diturunkan sebagai satu cabaran dan tamparan hebat buat musyrikin Mekah yang terkenal dengan kehebatan seni puisi mereka.

Perlu ditegaskan bahawa martabat al-Quran sebagai *kalamullah* (titah Allah SWT) amatlah tinggi. Justeru, al-Quran tidak boleh ditafsirkan menurut akal fikiran manusia yang amat terbatas. Malah pemanfaatan isi kandungan al-Quran dalam apa juga bidang seperti sastera, tidak boleh sama sekali menyalahi konteks sebenar ayat itu diturunkan. Ayat al-Quran mesti difahami dan digunakan pada konteks asalnya kecuali pada ayat-ayat yang *mutashabihat* atau yang bersifat kurang jelas serta maknanya tidak disepakati oleh semua ulama, maka ia boleh dimaksudkan menurut pandangan ulama-ulama tersebut. Namun, pandangan para ulama ini juga perlu selari dengan landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Dengan kata lain, ia tidak sesekali bercanggah dengan prinsip asas Islam yang telah sediakala jelas. Sebenarnya, ketidaksepakatan para ulama dalam mentafsirkan ayat-ayat *mutashabihat* tersebut tidak sedikit pun memperlihatkan kepincangan dan kecacatan al-Quran tetapi ia memberi mesej yang jelas bahawa Islam itu adalah satu agama rahmat yang meraikan perbezaan pendapat tentang perkara-perkara *furu'* (sampingan), yang kesan akhirnya memberi kemudahan kepada umat Islam sendiri dalam melaksanakan tuntutan agama.

Setiap peristiwa yang dirakamkan dalam al-Quran memiliki nilai keindahan yang tinggi bagi membolehkan sesiapa sahaja yang membaca dan menghayatinya terkesan dengan isi kandungan tersebut. Setiap peristiwa yang dirakamkan dalam al-Quran mempunyai signifikannya yang tersendiri untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia, mahupun dijadikan iktibar sebagai wadah untuk melakukan muhasabah diri. Apa yang lebih utama untuk ditegaskan di sini, setiap peristiwa dalam al-Quran membawa mesej benar dan jauh daripada sebarang bentuk khayalan atau omongan kosong. Walaupun kadangkala peristiwa tersebut menjangkaui batas fikiran manusia, tetapi ia semestinya jauh daripada retorik dan khurafat yang menyesatkan. Sebagai contoh, peristiwa Israk Mikraj yang dibincangkan dalam makalah ini, ia merupakan salah satu daripada beberapa buah kisah al-Quran yang faktanya menjangkaui batas fikiran akal manusia. Justeru, kepercayaan dan keimanan terhadap peristiwa ini yang termasuk dalam

perkara-perkara ghaib (*ghaybiyat*) menjadi titik-tolak kepada pembuktian keimanan seseorang kepada Allah SWT. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa; iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka" (surah al-Baqarah, ayat 2–3).

Justeru, sebarang bentuk usaha memanipulasi kisah atau peristiwa benar yang dirakamkan dalam al-Quran adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan akidah Islam. Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa perkara ini tidak bermakna manusia tidak boleh mengambil idea daripada isi al-Quran, tetapi jika ini berlaku, ia haruslah selari dengan konteks ayat itu diturunkan dan tidak sesekali dicemari dengan imaginasi yang boleh merosakkan kesahihan dan kebenaran wahyu Ilahi tersebut. Oleh itu, adalah amat jelas bahawa Dante telah memanipulasi fakta peristiwa Israk Mikraj secara terang dan selesa apabila meletakkan Rasulullah SAW dan Sayidina Ali RA di dalam neraka. Keadaan ini secara langsung telah menafikan semua keistimewaan Rasulullah SAW seterusnya meletakkan Baginda SAW pada martabat yang paling hina. Secara ringkasnya, perlu ditegaskan bahawa sebarang bentuk adaptasi kisah al-Quran dalam karya sastera perlu selari dengan konteks atau tujuan ayat tersebut, manakala sebarang bentuk usaha memanipulasi kisah al-Quran perlu ditolak secara tuntas agar kesucian Kitab suci umat Islam ini dapat terus dijunjung dan keteguhan iman khalayak pembaca dapat dipelihara.

## PENUTUP

Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang tidak dapat dijangkau oleh fikiran manusia yang amat terbatas. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi ayat pertama surah al-Isra' yang menegaskan bahawa tujuan utama berlakunya peristiwa ini ialah untuk memperlihatkan sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Ilahi. Tidak dapat dinafikan bahawa kehebatan peristiwa Israk Mikraj ini telah mempengaruhi dunia kesusasteraan bukan sahaja dalam ruang lingkup kesusasteraan Arab malah juga kesusasteraan Barat. Perkara ini bertitik-tolak daripada hasrat para karyawan yang mahu memperlihatkan kehebatan masing-masing dengan mencipta sebuah karya yang melangkaui batas kemampuan akal manusia untuk memikirkannya. Walau bagaimanapun, usaha memanipulasi peristiwa Israk Mikraj dalam karya-karya sastera ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang boleh menggoyahkan akidah khalayak pembaca yang beragama Islam serta memberi imej buruk terhadap Islam itu sendiri. Akan tetapi, perlu ditegaskan di sini bahawa sebenarnya, pemanfaatan kisah atau peristiwa al-Quran dalam karya sastera

adalah dibenarkan oleh syarak asalkan ia tidak lari daripada konteks dan tujuan asal kisah itu diwahyukan.

Hakikatnya, peristiwa Israk Mikraj mempunyai peranannya yang tersendiri dalam perkembangan kesusasteraan Arab dan Barat. Walaupun daripada kaca mata Islam, terdapat beberapa aspek negatif dalam karya sastera kesan daripada kegiatan memanipulasi peristiwa benar seperti Israk Mikraj, ia tetap tidak menafikan bahawa peristiwa inilah yang telah mencorak idea dan jalan cerita karya-karya tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim khususnya yang terlibat dalam dunia kesusasteraan agar sama-sama berusaha untuk menghasilkan karya-karya Islam, yang secara langsung dapat menolak sebarang unsur-unsur negatif berkaitan Islam dalam dunia kesusasteraan khususnya kesusasteraan Barat. Keadaan ini juga dapat meningkat dan mengembangkan karya-karya Sastera Islam yang mampu menjadi wadah penyampaian dakwah Islamiyah secara lebih berkesan.

## NOTA

1. Berkaitan dengan ciri-ciri *Sidrat al-Muntaha* serta keadaan sekelilingnya, sila rujuk kitab *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* karangan al-Imam al-Hafiz Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar al-'Asqalani, jilid 7 cetakan Dar al-Kutub al-'Ilmiyah (2003), dalam bab *Manaqib al-Ansar*, halaman 269–273.
2. Istilah *maqamat* merupakan perkataan bahasa Arab yang asal maknanya merujuk kepada *majlis* atau perhimpunan. Majlis di sini merujuk kepada pengucapan berbentuk cerita atau hikayat yang dipersembahkan dalam sesbuah keraian yang dihadiri oleh orang ramai. Pengucapan yang dimaksudkan dengan *maqamat* ialah yang mempunyai unsur-unsur seni dan kebiasaannya ia tidak terlalu panjang. *Maqamat* menceritakan satu watak utama yang akan sentiasa ditonjolkan dalam penceritaan. Sebagai contoh watak 'Isa bin Hisham dalam *Maqamat Badi' al-Zaman* dan watak al-Harith bin Hamam dalam *Maqamat al-Hariri*. *Maqamat Badi' al-Zaman* dan *Maqamat al-Hariri* adalah antara *maqamat* yang popular dalam kesusasteraan Arab. Sila rujuk buku bertajuk *Fann al-Maqamah fī al-Adab al-'Arabi* karangan Dr. 'Abd al-Malik Murtad.

## RUJUKAN

- al-'Asqalani. 2003. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Vol. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Aswad, Musa Muhammad. 1989. *al-Isra' wa al-Mi'raj*. Kuwait: Maktabah Dar al-Turath.
- Bahjat, Munjid Mustafa. 2001. *al-Adab al-Andalusi min al-Fath Hatta Suqut Gharnatah*. Amman: Dar al-Yaqut.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2003. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Dante Alighieri. 1993. *The divine comedy of Dante Alighieri*, trans. Henry F. Cary. US: The Easton Press.

- Fadl, Salah. 1992. *Ta'thir al-Thaqafah al-Islamiyah fī al-Kumidiya al-Ilahiyyah li Danti*. Cairo: Mu'assasah Mukhtar li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Farukh, Umar. 1992. *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- al-Haythami, al-Hafiz Nur al-Din 'Ali bin Abi Bakr bin Sulayman. 2001. *Majma' al-Zawa'id wa Mamba' al-Fawa'id*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Hamadhani, Badi' al-Zaman. 2003. *Maqamat Badi' al-Zaman al-Hamadhani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Hilal, Muhammad Ghunaymi. 1983. *al-Adab al-Muqaran*. Beirut: Dar al-'Awdah.
- Ibn al-Wardi, Zayn al-Din 'Umar. 1969. *Tatimmat al-Mukhtasar fī Ikhbar al-Bashar aw Tarikh Ibn al-Wardi*, ed. Muhammad Mahd al-Sayyid Hassan al-Khurasan. al-Najf: al-Matba'ah al-Hidriyah.
- Ibn Kathir, Isma'il bin Kathir al-Dimashqi. 1998. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Vol. 7. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- \_\_\_\_\_. 2007. *Safwat al-Sirah al-Nabawiyah*. Vol. 2. Cairo: Wizarah al-Awqaf Jumhuriyah Misr al-'Arabiyyah.
- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad. 1969. *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*, ed. Ihsan 'Abbas. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Vol. 14. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Shuhayd, Ahmad bin 'Abd al-Malik bin 'Umar bin 'Isa. 1980. *Risalat al-Tawabi' wa al-Zawabi'*, ed. Butrus al-Bustani. Bayrut: Dar Sadir.
- al-Jawziyah, Ibn Qayyim. 2003. *Zad al-Ma'ad fī Hady Khayr al-'Ibad*. Vol. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kafafi, Muhammad 'Abd al-Salam. 1971. *Fi al-Adab al-Muqaran: Dirasah fī Nazariyat al-Adab wa al-Shi'r al-Qasasi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- al-Khalidi, Ruhi. 1912. *Tarikh 'Ilm al-Adab*. Egypt.
- al-Ma'arri, Abu al-'Ala'. T.th. *Risalat al-Ghufran*, ed. Bint al-Shati'. Cairo: Dar al-Ma'arif.
- al-Mubarakfuri, Safi al-Din. 2000. *al-Rahiq al-Makhtum*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Murtad, 'Abd Malik. 1988. *Fann al-Maqamah fī al-Adab al-'Arabi*. Tunis: Dar al-Tunisiyah li al-Nashr.
- al-Nas, Ibn Sayyid. 'Uyun al-Athar fī Funun al-Maghazi wa al-Shama'il wa al-Siyar. Beirut: Dar al-Jil.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 2003. *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyah.
- Palacios, M. A. 2001. *Islam and the divine comedy*. London: Goodwork Books.
- al-Shak'ah, Mustafa. 1993. *al-Adab fi Maw�ib al-Hadarah al-Islamiyah*. Cairo: al-Dar al-Misriyah al-Lubnaniyah.
- al-Suyufi, Mustafa. 1985. *Malamih al-Tajdid fī al-Nathr al-Andalusi Khilal al-Qarn al-Khamis al-Hijri*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Tunji, Muhammad. 1995. *al-Adab al-Muqaranah*. Beirut: Dar al-Jil.